

Usaha bebas tebusan diteruskan: PM

SH 26 AUG 2000

SEFANG, Jumaat - Malaysia akan tetap berusaha membantu membebaskan baki 12 tebusan warga asing meskipun semua sembilan rakyat negara ini yang ditahan kumpulan Abu Sayyaf di Selatan Filipina, sudah dibebaskan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setiap usaha seperti yang dilakukan selama ini, perlu diteruskan walaupun baki tebusan itu adalah rakyat asing.

"Ya, kita akan berusaha sedaya upaya supaya warga asing ini turut dibebaskan," katanya kepa-

da pemberita sekembalinya ke tanah air petang ini selepas menghadiri Persidangan Antarabangsa Selatan Afrika 2000 di Mozambique dan mengadakan lawatan singkat ke London.

Turut menyambut Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri Kabinet dan penduduk kawasan Parlimen Kubang Pasu yang dalam lawatan ke ibu negara dan

Putrajaya.

Dr Mahathir kemudian mengadakan pertemuan singkat dengan Menteri Besar Selangor yang baru, Dr Mohamad Khir Toyo yang turut dihadiri Abdullah dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Perdana Menteri berkata, wakil perunding Malaysia harus cuba membantu usaha membebaskan warga asing itu.

Beliau ditanya sama ada perunding Malaysia boleh meneruskan usaha membebaskan warga asing yang masih ditawan di Jo10 walaupun semua sembilan rakyat

Malaysia sudah dibebaskan secara berperingkat baru-baru ini.

Seramai 21 orang, termasuk sembilan rakyat Malaysia, diculik dari Pulau Siganan. Sabah Dada 23 April lalu dan ditahan kumpulan Abu Sayyaf di Jolo.

Kumpulan terakhir tiga tebusan rakyat Malaysia dibebaskan minggu lalu selepas 118 hari ditahan di Selatan Filipina.

Mereka ialah Renjer Jabatan Hidupan Liar, Basilius Jim, 31; tukang masak, Kua Yu Loong, 24; dan jurulatih penyelam skuba, Fong Yin Ken, 28.